

21 DISEMBER 2017

Dua pelajar kolej warga Nigeria ke tali gantung kerana syabu

KES KEDUA

Dua pelajar kolej warga Nigeria ke tali gantung kerana syabu

Oleh SUHANA MD. YUSOP



DUA penuntut kolej warga Nigeria dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam selepas didapati bersalah mengedar dadah.

SHAH ALAM - Mahkamah Tinggi Shah Alam di sini semalam menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas dua penuntut warga Nigeria selepas didapati bersalah mengedar 3.5 kilogram (kg) dadah di sebuah pangsapuri di Petaling Jaya, tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Abdul Halim Aman memutuskan demikian selepas mendapati pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* ke atas tertuduh, Mustafa Azmir, 28, dan Jude Nnamdi Achonye, 30.

Mengikut pertuduhan, kedua-

dua tertuduh yang menuntut di sebuah kolej swasta di ibu negara didakwa mengedar dadah jenis syabu atau methamphetamine di hadapan Blok 3, SD Apartmen 1, Persiaran Merantai, Petaling Jaya pada pukul 3.30 petang, 2 September 2014.

Pendakwaan ke atas kedua-dua sahabat itu dibuat mengikut Seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Abdul Halim dalam penghakimannya berkata, mahkamah meneliti keterangan 13 saksi pendakwaan dan dua saksi

pembelaan selain 73 eksibit yang dikemukakan.

"Pihak pembelaan pada akhir kes ini didapati gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah dan tiada keterangan yang menyangkal hujahan pendakwaan secara keseluruhannya.

"Selain itu, terdapat percanggahan keterangan antara kedua-dua tertuduh dan pembelaan mereka hanya bersifat penafian tanpa bukti kukuh," katanya.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd. Rehan Mohd. Aris manakala dua tertuduh diwakili peguam bela Leonard Anselm Gomes.